

Sg Semantan tercemar: Selangor sedia bantu Pahang



Zaidy ketika berucap pada Majlis Pelancaran Karnival Jelajah Inftratani 2016 Dun Meru, semalam.

KLANG - Kerajaan negeri sedia menawarkan khidmat kepada Kerajaan Pahang untuk memantau Sungai Semantan khususnya kawasan masuk aliran air ke Sungai Langat.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, walaupun pencemaran berpunca dari Sungai Semantan, langkah drastik perlu diambil.

“Tak boleh lepas tangan. Memang kita ambil langkah drastik dan progresif terhadap masalah ini termasuk ambil tindakan tegas terhadap pesalah yang mencemarkan sungai.

“Kita juga tawarkan khidmat kepada Kerajaan Pahang untuk sama-sama me-

nyemak dan memantau, khususnya di kawasan masuk Sungai Semantan yang mengalir air ke Sungai Langat,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Zaidy berkata, beliau dimaklumkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), ban-ban di sepanjang beberapa kawasan pantai di Selangor telah siap sepenuhnya.

“Saya dimaklumkan kerja-kerja pembaikan dah selesai dan bersedia untuk berdepan fenomena air pasang besar hingga 5.7 meter pertengahan Oktober nanti.

“Penduduk yang tinggal berhampiran juga diingatkan supaya berpindah awal ke pusat-pusat pemindahan disediakan. Doakan juga tak berlaku hujan lebat, ombak dan angin kuat ketika itu,” katanya.